



Dr. Rohana Binti Hamzah merupakan anak kelahiran Pahang. Beliau telah memulakan kerjaya dalam bidang akademik dengan berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia semenjak tahun 1997. Kini beliau menyambung perkhidmatan di Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang setelah berkhidmat di UTM selama 18 tahun. Bidang pendidikan dan penyelidikan yang dipelopori oleh beliau ialah pendekatan pendidikan integrasi holistik. Modul ini di hasilkan dengan tujuan berkongsi dengan para pendidik dan pelajar tentang pendekatan ini dan bagaimana ia digunakan untuk membangunkan potensi kecerdasan spiritual pelajar dan seterusnya menjadikan pendekatan pendidikan lebih bermakna. Diharap dengan lahirnya modul ini ia dapat membantu para pendidikan meneruskan usaha membangunkan potensi pelajar dengan lebih menyeluruh dalam apa jua bidang pendidikan sekalipun.



Dr. Zuraina Binti Ali adalah seorang pensyarah Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) di Universiti Malaysia Pahang (UMP). Beliau dilahirkan di Tg. Api Kuantan, Pahang dan telah berkhidmat di dalam bidang pendidikan selama 16 tahun. Beliau menerima pendidikan rendah di sekolah Methodist sementara disekolah menengah beliau menerima pendidikan agama di Sek. Men. (A) Al-Ihsan. Beliau aktif didalam penyelidikan terutamanya didalam bidang Bahasa Inggeris dan kemahiran insaniah. Antara penyelidikan beliau adalah berkenaan dengan keusahawanan, komunikasi, pembelajaran *e-learning*, pembelajaran kooperatif dan sebagainya. Selain itu, beliau juga pernah menjadi penceramah yang dijemput oleh Jabatan Pendidikan Pahang sempena Hari Inovasi. Beliau juga aktif membuat perundingan dipelbagai agensi seperti HICOM Automotive Manufacturers (AMM), Pahang State Secretary Office dan Kuantan Nursing College.



PENERBIT
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



KECERDASAN SPIRITUAL

Modul Latihan :
Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik
Membangunkan Kecerdasan Spiritual

ROHANA HAMZAH
ZURAINA ALI



KECERDASAN SPIRITUAL

Modul Latihan:
Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik
Membangun Kecerdasan Spiritual

KECERDASAN SPIRITUAL

Modul Latihan:
Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik
Membangun Kecerdasan Spiritual

ROHANA HAMZAH
ZURAINA ALI

Penerbit
Universiti Malaysia Pahang
Kuantan
2017

Hakcipta ©Universiti Malaysia Pahang, 2017

Cetakan Pertama, 2017

Hakcipta adalah terpelihara.

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit Universiti

Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak,
26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Rohana Hamzah

KECERDASAN SPIRITUAL : Modul Latihan: Pendekatan Pendidikan Integrasi
Holistik Membangunkan Kecerdasan Spiritual /
ROHANA HAMZAH, SURAINA ALI.

ISBN 978-967-0691-94-7

1. Students--Conduct of life. 2. Students--Attitudes. 3. Motivation in education.
4. Education--Social aspects. I. Suraina Ali. II. Judul.

371.801909595

Diterbitkan Oleh:

Penerbit

Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel: 09-549 3273 Faks: 09-549 3281

Urus Cetak:

Percetakan Muafakat Jaya Sdn. Bhd (105038-M)
6, Jalan Perdagangan 16, Taman Universiti Industrial Park,
81300, Skudai Johor.
Tel: 07-520 6740 Faks: 07-520 6741

KATA PENGANTAR



Alhamdulillah, dengan izin Allah hasrat kami untuk merealisasikan modul kecerdasan spiritual ini akhirnya dapat disempurnakan. Modul “Kecerdasan Spiritual” terhasil daripada satu proses pembacaan, penyelidikan dan siri latihan yang sangat panjang. Penerokaan penulis untuk memahami punca permasalahan dalam pendidikan terutamanya masalah akhlak dan tingkahlaku akhirnya membawa kesedaran tentang kepentingan memberi fokus kepada usaha membangunkan kecerdasan spiritual melalui proses pendidikan. Kata-kata imam al-Ghazali bahawa pendidikan tanpa membangunkan potensi spiritual akan melahirkan manusia yang terpenjara dengan kehendak materia tanpa kemampuan untuk mengecapi erti kebahagiaan yang sebenar menjadi inspirasi kami dalam menyiapkan modul ini. Maka, membangunkan potensi spiritual adalah asas untuk membangunkan jati diri dan kawalan dalaman manusia.

Kehilangan fokus terhadap proses membangunkan potensi spiritual berpunca daripada kehilangan definisi ilmu yang sebenar. Kegagalan manusia mendalami maksud ilmu yang benar melahirkan kekeliruan dan kehilangan adab kerana gagal membezakan diantara kebenaran dan kepalsuan. Ilmu yang benar ialah ilmu yang mampu membangunkan kecerdasan spiritual dengan membawa manusia mengenali Penciptanya dan akhirnya membentuk sistem pemikiran yang benar, bijaksana dan berakhlak mulia.

Maka keunikan modul ini adalah pada kaedah pendekatan pendidikan yang digunakan iaitu pendekatan pendidikan yang memberi fokus kepada proses integrasi ilmu sebagai asas membangunkan potensi manusia secara holistik. Pendekatan pendidikan ini meletakkan matlamat pendidikan diatas prinsip kesatuan sumber ilmu iaitu Allah SWT., Pencipta sekalian alam. Oleh itu, tujuan pendidikan adalah untuk membawa pelajar mengenal Pencipta atau membangunkan kecerdasan spiritual. Ini adalah asas pembentukan kawalan dalaman melalui perancangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bidang ilmu intelektual.

Besar harapan kami agar modul ini bermanfaat dan memberi sumbangan bermakna kepada para pendidik, pensyarah, guru-guru dan ibubapa dalam menyokong perjuangan kita

untuk melahirkan generasi pemimpin pewaris yang akan meneruskan perjuangan membangunkan ketamadunan negara bangsa. Kami juga ingin merakamkan penghargaan kepada universiti terutamanya Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Malaysia Pahang dan juga Kementerian Pendidikan Tinggi yang telah meluluskan geran-geran penyelidikan yang menjadi asas kepada penulisan modul ini.

Menyedari kekurangan dalam penyusunan modul ini, maka kami sangat mengharapkan kritikan dan cadangan penambahbaikan daripada para pembaca sekalian. Semoga dengan teguran yang diberikan, kami dapat memperbaiki kelemahan tersebut dalam karya-karya yang akan datang. Insyaallah.

Wassalam

ROHANA HAMZAH dan ZURIANA ALI

Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan

Universiti Malaysia Pahang

26600 Pekan Pahang, Malaysia.

rohanahamzah@ump.edu.my

Ogos 2016

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar

BAHAGIAN 1	PENGENALAN DAN PERSEDIAAN MENGIKUTI MODUL	
1.0	Pendahuluan	3
1.1	Objektif Modul	4
1.2	Adab dan Persediaan mengikuti modul	4
	1.2.1 Adab Dengan Pencipta	5
	1.2.2 Adab Sipununtut Ilmu Dengan Guru	7
	1.2.3 Adab Diri Dalam Proses Menuntut Ilmu	8
1.3	Kenapa Perlu Hadir Bengkel Ini?	12
1.4	Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik	14
	1.4.1 Definisi Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik Dari Perspektif Barat Dan Kesannya.	14
	1.4.2 Definisi Sebenar Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik Dan Kesannya.	15
	1.4.3 Proses Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik	16
	1.4.4 Keselarian Diantara Pendekatan Pendidikan Integrasi Holistik Dengan Hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan	17
BAHAGIAN 2	MEMBANGUNKAN KECERDASAN SPIRITUAL	
2.1	Sistem Pendidikan Melahirkan Manusia Bermasalah?	24
	2.1.1 Contoh Aktiviti P&P: Enam Ilustrasi Optikal	28
	2.1.2 Contoh Aktiviti P&P: Memahami Punca Utama Manusia Bermasalah	29
	2.1.3 Contoh Aktiviti P&P: Mengenali Sifat Si Raja Buah	33
	2.1.4 Contoh Aktiviti P&P: Kecerdasan Spiritual Merawat Manusia Dengan Mengenali Diri	39
	2.1.5 Contoh Aktiviti P&P: Siapa Nama Awak?	44
	2.1.6 Contoh Aktiviti P&P: Lebih Kecil Lebih Berkuasa?	46

2.1.7	Contoh Aktiviti P&P: Lebih Besar Lebih Berkuasa?	49
2.1.8	Contoh Aktiviti P&P: Satu Kepada Banyak; Banyak Kepada Satu (Objek 2D)	52
2.1.9	Contoh Aktiviti P&P: Satu Kepada Banyak; Banyak Kepada Satu (Objek 2D)	55
2.1.10	Contoh Aktiviti P&P: Syukur Alhamdulillah	57
2.2	Proses Kematangan Spiritual Dan Erti Kemerdekaan Jiwa	58
2.2.1	Jiwa Tidak Matang (Jiwa Kehaiwanan/ al-nafs al-ammarah)	59
2.2.2	Tahap Kematangan Jiwa Pertengahan (al-nafs al-lawamah)	61
2.2.3	Kematangan Jiwa Tahap Tertinggi (Jiwa Yang Tenang / An-Nafs Al-Mutmainnah)	62
2.3	Kecerdasan Spiritual: Membawa Pelajar Mengetahui Tujuan Hidup	63
2.3.1	Contoh Aktiviti P&P: Mengenali Fungsi Manusia	64
2.3.2	Contoh Aktiviti P&P: I Am a Khalifah	72
2.3.3	Contoh Aktiviti P&P: Berapa Panjangkah Masa?	72
2.3.4	Contoh Aktiviti P&P: Duduk Jika Anda Bersedia	73
2.3.5	Contoh Aktiviti P&P: Balang Berisi	73
2.4	Kecerdasan Spiritual Membina Sistem Pemikiran Manusia	75
2.4.1	Kecerdasan Spiritual dan Pembentukan Sistem Pemikiran Manusia	77
2.5	Penutup	80
	Rujukan	83